

Kes penipuan transaksi online meningkat di Terengganu

KUALA TERENGGANU - Kes penipuan melibatkan transaksi online semakin meningkat di Terengganu berikutan penerimaan 151 aduan oleh pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ekuwal Penggunaan (KPDNHEP) negeri sejak awal tahun ini. Pengarah KPDNHEP Terengganu, Shaharudin Mohd. Kia (**gambar kecil**) berkata, aduan berhubung penipuan transaksi online itu merangkumi 51 peratus daripada keseluruhan kes yang diterima daripada pengguna seluruh negeri itu sepanjang tempoh sama. "Sebanyak 151 daripada

292 aduan yang diterima daripada pengguna di negeri ini sejak awal tahun ini melibatkan dakwaan transaksi dalam atas talian atau online. "Ia menunjukkan trend peningkatan setiap tahun iaitu masing-masing 156 dan 217 aduan pada tahun 2017 dan 218," katanya kepada pemberita ketika ditemui pada majlis sambutan Aidilfitri peringkat KPDNHEP Terengganu di sini semalam. Shaharudin berkata, berdasarkan siasatan pihaknya, kebanyakan

pengguna terbabit menjadi mangsa penipuan selepas terpedaya dengan teknik pengiklanan yang mengelirukan. - **S e h u b u n -** gan itu, beliau menasihatkan pengguna agar lebih berhati-hati dalam melakukan transaksi online dengan melakukan perbandingan harga, menyemak maklumat perniagaan dan testimoni pembeli terdahulu serta memilih urusan niaga di platform urusan niaga yang dipercayai. "Pengguna tidak harus terpedaya dengan tawaran yang ter-

lalu menarik dan tidak munasabah. Selain itu, sebolehnya, pilih urusan niaga secara pembayaran tunai secara penerimaan bagi meminimumkan risiko un-



PELANGGAN yang kerap melakukan urusan niaga perniagaan online terdedah kepada risiko penipuan. - **Gambar hiasan**

Shaharudin berkata, berdasarkan Peraturan-peraturan Perlindungan Pengguna (Urus Niaga Perdagangan Elektronik) 2012, peniaga online perlu mendedahkan identiti, alamat, e-mel dan nombor telefon, ciri utama barang dan perkhidmatan ditawarkan, harga, pe-nuh, kaedah pembayaran, terma dan syarat serta anggaran masa pengan-taran untuk maklumat pengguna.

Ujar beliau, denda maksimum RM100,000 atau penjara sehingga tiga ta-hun atau kedua-duanya boleh dikenakan terhadap peniaga yang melanggar peraturan itu.

tuk tertipu. "Sebaiknya beli di plat-form perniagaan yang mempunyai rekod dan komen baik daripada peng-guna terdahulu," katanya.